

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HGM 434 Geografi Pengangkutan

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai terangkan bagaimana rangka konseptual geografi pengangkutan oleh Peter Rimmer boleh digunakan sebagai panduan untuk geografi pengangkutan sosial di Malaysia. (25 markah)
2. Merujuk kepada TIGA (3) model/teori struktur ruangan bandar, telitikan peranan yang dimainkan oleh pengangkutan. Beri contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)
3. [a] Bincangkan proses perancangan pengangkutan bandar. (10 markah)
[b] Sejauhmanakah proses perancangan seperti ini sesuai bagi negara-negara Dunia Ketiga? (15 markah)
4. [a] Bezakan di antara model graviti yang terkekang dan yang tidak terkekang. (10 markah)
[b] Dengan merujuk kepada prinsip-prinsip Wardrop terangkan bagaimana anda boleh gunakan model graviti untuk menganggarkan aliran pengangkutan di antara dua lokasi. (15 markah)

5. Di negara-negara Asia Tenggara penggantian sistem-sistem pengangkutan yang "kurang moden" kepada yang "lebih moden" adalah suatu proses yang tidak dapat dielakkan. Bincangkan. (25 markah)
6. Perkhidmatan bas harus dikendalikan oleh pihak kerajaan sahaja kerana ia adalah suatu perkhidmatan awam. Bincangkan dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)
7. [a] Terangkan cara-cara yang berbeza yang boleh digunakan untuk menjalankan analisis kos-manfaat di bidang pengangkutan. (10 markah)
- [b] Jelaskan masalah-masalah yang dihadapi di dalam penggunaan kaedah ini. (10 markah)
- [c] Selain daripada kaedah ini apakah kaedah-kaedah lain yang boleh digunakan untuk menilai kesesuaian projek-projek pengangkutan? (5 markah)

-ooo000ooo-